



قَابِلَةُ كِفَايَاتِ كَرِيْمِيْنَ قَوْلًا وَفِعْلًا

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG
No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel.: 04-830 7777 Faks: 04-830 7899
<http://www.jksnpp.gov.my>



Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2(70)
Tarikh : 01 Februari 2023
10 Rejab 1444H

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Ketua Pendaftar
Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Penolong Pendaftar


Yang Arif/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2023
GARIS PANDUAN BAGI MENJELASKAN ARAHAN AMALAN MAHKAMAH
SYARIAH NO. 6 TAHUN 2022 KEPERLUAN PEMFAILAN KES TUNTUTAN NAFKAH
ANAK BERSAMA KES TUNTUTAN/ PERMOHONAN PERCERAIAN ATAU
PEMBUBARAN PERKAHWINAN (DENGAN KEHADIRAN SUAMI)**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ Tuan/ Puan kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan *Key Performance Indicator* (KPI) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2023 pada 13 Januari 2023 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai garis panduan bagi menjelaskan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Kes Tuntutan/ Permohonan Perceraian Atau Pembubaran Perkahwinan (Dengan Kehadiran Suami) seperti dilampiran 1.

2. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bilangan 1 Tahun 2016 berkaitan Perintah Nafkah Eddah dan Nafkah Anak Dalam Kes-Kes Pembubaran Perkahwinan dibatalkan.

Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 Februari 2023**.


(DATU' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS Keadilan

(Silalahkan rujuk kami apabila melangkah)

Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2(70)

3. Pendengaran kes tuntutan nafkah anak dan tuntutan/ permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan hendaklah ditetapkan pada tarikh yang sama mengikut kesesuaian dan kesegeraan sewajarnya.
4. Tiap-tiap Mahkamah yang memberi dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau yang membenarkan dan merekodkan sesuatu talak atau apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan lain hendaklah memerintahkan seorang bapa membayar nafkah sementara anak untuk faedah mana-mana anaknya.
5. Hakim yang mendengar kes hendaklah memastikan kuasa tindakan setiap tuntutan dipenuhi dan disiasat dengan sewajarnya berkaitan kemampuan pendapatan bapa dan keperluan faedah anak-anaknya.
6. Perintah nafkah sementara anak hendaklah berkuat kuasa sehingga perintah nafkah anak diperintahkan atau terdapat perintah lain yang mengubahnya. Format perintah nafkah sementara anak seperti dilampiran 2.
7. Majlis Sulh dikecualikan, jika pihak-pihak mempunyai persetujuan dihadapan hakim maka persetujuan tersebut boleh direkod sebagai perintah persetujuan bersama dan hendaklah diagihkan kepada pendaftaran sulh untuk merekodkan sulh berjaya.
8. Walau apa pun arahan pekeliling dan garis panduan ini, seorang Hakim diberikan kebebasan dan keluasan dalam membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut selagi mana tidak bertentangan dengan kehendak dan maksud Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022.

LAMPIRAN 1

**GARIS PANDUAN BAGI MENJELASKAN ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2022
KEPERLUAN PEMFAILAN KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK BERSAMA KES
TUNTUTAN/ PERMOHONAN PERCERAIAN ATAU PEMBUBARAN PERKAHWINAN
(DENGAN KEHADIRAN SUAMI)**

Garis panduan ini berhubung pelaksanaan arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Kes Tuntutan Permohonan Perceraian Atau Pembubaran Perkahwinan (Dengan Kehadiran Suami) (*selepas ini disebut kes-kes ini*) yang perlu diperjelaskan bagi memudahkan proses pendaftaran dan pendengaran kes di mahkamah. Arahan amalan tersebut hendaklah dilaksanakan seperti yang berikut:

1. Pendaftaran kes tuntutan nafkah anak (rujuk Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 Jadual 2) hendaklah difailkan bersama tuntutan/ permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan (rujuk Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022 Jadual 1) mengikut proses pendaftaran dan pemfailan sedia ada dengan bayaran fi yang telah ditetapkan.
2. Pemfailan kes-kes ini dikecualikan dalam keadaan seperti yang berikut :
 - a. tuntutan/ permohonan perceraian sebelah pihak;
 - b. bapa ghaib/ hilang;
 - c. tidak mempunyai anak;
 - d. bapa yang menjalani hukuman pemenjaraan;
 - e. bapa diiktiraf oleh undang-undang sebagai orang tak berkeupayaan dan/atau orang miskin;
 - f. mana-mana anak yang telah melampaui lamanya tempoh perintah bagi nafkah anak sebagaimana peruntukan seksyen 80 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004;
 - g. bapa angkat/ lelaki kepada anak tidak sah taraf kecuali seorang lelaki yang bersetuju untuk membayar nafkah anak; dan
 - h. Anggota Tentera yang tertakluk di bawah Akta Angkatan Tentera 1972/ Kaedah-kaedah/ peraturan-peraturan ke atas seseorang dan/atau apa-apa statut dan undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas seorang anggota Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/2(70)

3. Pendengaran kes tuntutan nafkah anak dan tuntutan/ permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan hendaklah ditetapkan pada tarikh yang sama mengikut kesesuaian dan kesegeraan sewajarnya.
4. Tiap-tiap Mahkamah yang memberi dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau yang membenarkan dan merekodkan sesuatu talak atau apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan lain hendaklah memerintahkan seorang bapa membayar nafkah sementara anak untuk faedah mana-mana anaknya.
5. Hakim yang mendengar kes hendaklah memastikan kuasa tindakan setiap tuntutan dipenuhi dan disiasat dengan sewajarnya berkaitan kemampuan pendapatan bapa dan keperluan faedah anak-anaknya.
6. Perintah nafkah sementara anak hendaklah berkuat kuasa sehingga perintah nafkah anak diperintahkan atau terdapat perintah lain yang mengubahnya. Format perintah nafkah sementara anak seperti dilampiran 2.
7. Majlis Sulh dikecualikan, jika pihak-pihak mempunyai persetujuan dihadapan hakim maka persetujuan tersebut boleh direkod sebagai perintah persetujuan bersama dan hendaklah diagihkan kepada pendaftaran sulh untuk merekodkan sulh berjaya.
8. Walau apa pun arahan pekeliling dan garis panduan ini, seorang Hakim diberikan kebebasan dan keluasan dalam membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut selagi mana tidak bertentangan dengan kehendak dan maksud Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022.

LAMPIRAN 2

FORMAT PERINTAH NAFKAH SEMENTARA ANAK

1. Panduan format perintah nafkah sementara anak hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil.1 Tahun 2019 berkaitan Penyeragaman Perintah Format Perintah Mahkamah.

2. Format perintah nafkah sementara anak adalah seperti yang berikut:

PERINTAH NAFKAH SEMENTARA ANAK

2.1 Defendan membayar nafkah sementara anak (nyatakan bilangan anak) orang anak yang bernama XXXXXXXXXXXX (No. K/P/MyKid: XXXXXXXXXXXX) sebanyak RMXXXX.XX sebulan seorang yang berjumlah RMXXXX.XX sebulan.

2.2 Pembayaran hendaklah dimasukkan ke dalam akaun XXXXXXXX Plaintiff (No. Akaun: XXXXXXXXXXXX) sebelum atau pada XXhb setiap bulan mulai bulan XXXXX XXXX (nyatakan bulan & tahun).

2.3 Pembayaran hendaklah dibuat secara tahanan pendapatan tenaga Defendan mulai (selepas tiga bulan perintah ini dikeluarkan) melalui majikan Defendan yang beralamat di XXXXXXXXXXXX. Plaintiff/Defendan diperintahkan membayar secara tunai sebanyak RMXXXX.XX sebulan sebelum tahanan pendapatan tenaga dikuatkuasakan.(untuk potongan gaji sahaja).

2.4 Perintah nafkah sementara anak ini berkuat kuasa sehingga perintah nafkah anak diperintahkan atau terdapat perintah lain yang mengubahnya.

3. Format perintah nafkah sementara anak ini tertakluk kepada sebarang perubahan arahan/ peraturan/ undang-undang semasa.